

MAQASID SYARIAH SEBAGAI STRATEGI PENGAWALAN ROHANI DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Maqasid Syariah As Means Of Spiritual Control In Social Media Usage

Aina Sabariah Bt Md. Isa, Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang

Emel: ainasabariahm@yahoo.com

Kamariah Bt Yusoff, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah alam

Emel: kamar143@uitm.edu.my

Halipah Bt Hamzah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan

Pulau Pinang

Emel: shalipah@uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Globalisasi hari ini membawa manusia hidup dalam kerangka revolusi komunikasi dan teknologi yang kompleks. Tumpuan dan keterujaan manusia terhadap teknologi komunikasi khususnya media sosial seringkali menyerlahkan aspek kekurangan sehingga hampir mengaburkan sisi positifnya. Berbagai-bagai undang-undang dan pendekatan telah dikuatkuasakan bagi mengekang fenomena berkait penyalahgunaan media sosial sama ada di peringkat nasional atau global. Dalam konteks ini Islam melalui maqasid syariah dan tetapan 5 prinsipnya sudah tersedia untuk menjadi satu sistem kawalan rohani yang efektif dalam menangani permasalahan digitalisasi ini. Maqasid syariah perlu digunakan sebagai panduan menguruskan ruangan media sosial. Kajian ini akan menumpukan kepada keperluan maqasid syariah dalam penggunaan media sosial bagi menjamin pemeliharaan agama, akal, jiwa, keturunan dan harta. Seterusnya kajian ini juga akan meneliti isi-isu dan fenomena penyalahgunaan media sosial dalam masyarakat berfokuskan tiga media sosial utama iaitu Facebook, Instagram dan YouTube serta impaknya dari perspektif maqasid syariah. Maqasid syariah amat</i></p>	<p><i>The era of globalisation in today's world has led humans to a life with complex communication and technology framework. Man's focus and keenness on communication technology, in particular, social media, frequently highlights its flaws, to the point that its benefits are often obscured. Multiple laws and approaches have been enforced to curb social media abuse, both on a national or global level. In this context, Islam, through the concept of Maqasid Syariah (Objectives of Islam) and its 5 tenets, has already been put in place, to work as an effective system of spiritual control to curb this digitalisation dilemma. Maqasid Syariah has to be utilised as guidelines to manage social media spaces and contexts. This study will focus on the need for Maqasid Syariah in social media usage to sustain religion, the mind, soul, genealogy, and property. In addition, it will also identify and highlight issues related to social media abuse, in particular, Facebook, Instagram, and YouTube as well as their significance and impact from the Maqasid Syariah viewpoint. It is the most ideal means of strong spiritual control for all social media users, in order to gain as much benefits as possible, as well as to filter out any damaging impacts, differentiating the Halal from the</i></p>

<p>wajar dijadikan strategi pengawalan rohani yang ampuh kepada semua pengguna teknologi media sosial demi memperoleh sebanyak mungkin kemaslahatan dan menangkis sebarang kerosakan, membezakan yang halal daripada yang haram serta melindungi masyarakat daripada kesesatan dan penyelewengan. Maqasid syariah juga berupaya membentuk deria rohani yang strategis dalam jiwa seorang pengguna media sosial. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pemerkasaan kefahaman dan amalan Islam pada era ledakan siber di samping menjadikan media sosial diurus dan digunakan berlandaskan tuntutan Syariah Islamiyyah.</p> <p>Kata kunci: Maqasid Syariah, media sosial, pengawalan rohani</p>	<p><i>Haram, as well as protecting the community from heresy and fraud. Maqasid Syariah is also capable of moulding one's spiritual conscience among social media users. It is hoped that this study will be able to contribute towards more concrete understanding and more meaningful Islamic practices in this era of information deluge, in addition to ensuring that social media are utilised and managed in tandem with the principles of Maqasid Syariah</i></p> <p>Keywords: Maqasid Syariah. Social media, spiritual control</p>
--	---

PENDAHULUAN

Jaringan teknologi digital seperti *Google, Instagram, Facebook, Twitter, YouTube, Skype, WhatsApp, Friendster* dan sebagainya kini telah mengantikan komunikasi tradisional kepada komunikasi digital. Penggunaan media sosial yang menjadi salah satu aktiviti dalam talian yang paling popular dengan anggaran 3.6 bilion pengguna di seluruh dunia (J. Clement, 2020). Namun begitu penggunaannya hari ini sudah tidak terkawal, menyebabkan tercetusnya berbagai-bagai impak negatif sama ada dalam aspek sosial, budaya, agama, risiko politik atau ekonomi. Isu-isu seperti penyalahgunaan, ketagihan, penyakit mental, buli siber, tontonan bahan porno, jenayah siber, *scammer* dan sebagainya seakan-akan sudah sinonim dengan tabiat pengguna media sosial kini. Sehingga dikatakan kebergantungan manusia kepada media sosial hari ini lebih parah daripada kebergantungan mereka terhadap alkohol dan narkotik (Alina Dizik, 2017). Bagi mengawal fenomena penyalahgunaan pelbagai undang-undang dan cadangan penyelesaian dikemukakan oleh berbagai-bagai pihak.

Walaubagaimanapun undang-undang dan cadangan ini belum menampakkan hasil yang maksima. Buktinya berlaku peningkatan berbagai-bagai kes melibatkan penyalahgunaan media siber ini Pihak Cyber Security Malaysia juga merekodkan peningkatan statistik insiden keselamatan siber bagi tahun 2015-2020 seperti berikut:

Jadual 1: Statistik Insiden Keselamatan Siber 2015-2020

Bil	Tahun	Bil Insiden yang dilaporkan
1	2015	9915
2	2016	8334
3	2017	7692
4	2018	10669
5	2019	10772
6	2020 (Januari)	1074

Sumber: CyberSecurity Malaysia

Menurut Noor Azlina, Ahmad Shamsul Abd Aziz dan Rusniah Ahmad (2020) peningkatan data kes salah guna media sosial boleh menjadi kayu ukur menilai keberkesanan undang-undang sedia siber ada. Peningkatan bilangan kes melibatkan keselamatan siber yang amat merisaukan antara tahun 2015-2020 membuktikan perlunya satu kawalan alternatif bagi mengawal selia penggunaan media sosial selain undang-undang yang sedia ada.

Keburukan dan aspek negatif yang timbul daripada media sosial tidak boleh dipandang ringan dan diabaikan begitu sahaja. Semakin berpotensi sesuatu medium untuk menjurus kepada keburukan maka dosanya juga adalah sangat besar (Taha Abul Raof Sa'ad, 1991). Kaedah Fiqah juga menyebut '*Dar'u al-mafasid awla min jalbi al-masalih*' iaitu menolak keburukan lebih utama daripada mendapatkan kebaikan *ذرء المفاسد أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِح*.

IMPAK NEGATIF MEDIA SOSIAL DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Kewujudan teknologi tidak kira dalam bidang teknologi informasi atau komunikasi sepatutnya mengukuhkan lagi kestabilan umat dan negara. Akses terbuka kepada media sosial pada asalnya membawa begitu banyak manfaat kepada semua. Namun dalam konteks pembangunan masyarakat masa kini, kepesatan teknologi media sosial seperti *Instagram*, *Facebook*, *Twitter*, *TikTok*, *Whatsapp*, *blog*, *wiki*, *Google*, *MySpace*, *smartphone* dan sebagainya amat berpotensi menghanyutkan manusia dalam kerosakan, cabaran dan ancaman yang tidak terkawal. Ancaman penyalahgunaan dan ketiadaan kawalan yang baik, bukan sahaja boleh menggoncang kestabilan masyarakat dan negara malah meruntuhkan norma Islam yang suci. Tidak terhitung banyaknya impak negatif hasil penggunaan melampau media sosial yang tidak terkawal.

Namun dalam kajian ini penulis hanya meringkaskan analisis beberapa kajian literatur yang menunjukkan bahayanya kesan berantai akibat penyalahgunaan media sosial dari perspektif maqasid syariah seperti berikut:

Jadual 2: Analisis Beberapa Isu Media Sosial Dari Perspektif Maqasid Syariah

Bil	Isu Berpunca Dari Media Sosial	حفظ الدين HIFZ ADDIN	حفظ النفس HIFZ ANNAFSI	حفظ العقل HIFZ 'AQLI	حفظ المال HIFZ ALMAL	حفظ النسل HIFZ ANNASL
1	'Love scam', penipuan kad kredit, pelaburan saham, tawaran pakej haji dan umrah, penyamaran sebagai pegawai bank atau kastam. (<i>Rasmida, Normirrah , Zul Amirul Asraf & Nasim khan, 2019</i>).		√	√	√	√
2	Fenomena karikatur 'Je Suis Charlie' di Perancis yang telah mengakibatkan pembunuhan (Jonathan Ervine, 2020).		√	√		√
3	Berita palsu mengenai penyakit COVID-19 & pencegahan tersebar lebih kemas di media sosial berbanding berita dari sumber (Samia, M.Mahbub Hossian, Hoimonty Mazumder, 2020).			√	√	√
4	Setiap 7 minit kanak-kanak bakal menjadi mangsa buli (Samuel Cook, 2020)			√	√	√
5	Kes Shida Amal pd 2015 cenderung membunuh diri kerana dipanggil 'gemuk' dan 'bodoh' (<i>FMT Report-Bahiyah A. Hamid, 2018</i>).			√	√	√
6	Remaja terdedah dengan bahan pornografi berumur 18-24 tahun (<i>Gan, 2007; Dain, 2015 dalam Kamarul Azmi Jasmi, 2017</i>).	√		√	√	
7	Golongan muda bersikap malas & lemah dalam menguasai tata bahasa & membaca. (<i>Tasnim Rosli Yogenathan Muniandy Kamarul Azmi Jasmi, 2019</i>).			√	√	√

Fenomena penyalahgunaan media sosial jelas berupaya memberikan impak negatif yang berantai. Buli siber bukan sahaja memberi kesan terhadap aspek pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*), bahkan akan turut menggugat

pembinaan minda (*hifz al-aqli*) dan keturunan (*hifz al-nasli*). Penyalahgunaan yang melibatkan unsur penipuan seperti *scammer* pula akan menjelaskan aspek pemeliharaan harta serta perkembangan ekonomi (*hifz al-mal*) dan juga boleh mencetuskan kekacauan jiwa (*hifz al-nafs*). Unsur-unsur pornografi dan seksualiti seperti rogel, LGBT akan memberi impak yang sangat bahaya terhadap pemeliharaan keturunan yang baik (*hifz al-nasl*). Analisis ringkas ini membuktikan perlunya satu strategi berlandaskan maqasid syariah bagi menekan kemudaratan yang dibawa oleh penggunaan media sosial secara berlebihan.

KEPENTINGAN MAQASID SYARIAH DALAM MENGAWAL PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Istilah maqasid syariah sebenarnya telah dipelopori oleh Ibnu 'Asyur (wafat 1379/1973 M) yang mendefinisikannya sebagai apa sahaja makna dan hikmah yang diberi perhatian oleh syara', sama ada dalam bentuk keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syara'. Ibnu 'Ashur berpandangan bahawa semua hukum syariah pasti mengandungi hikmah, kemaslahatan, dan manfaat daripada Allah. Dengan erti kata yang lain tujuan umum maqasid syariah adalah menjaga peraturan serta ketertiban umat dan memberikan kemaslahatan kepada manusia (Chamim Tohar, 2017). Ini kerana di sebalik syariah Islamiyah terkandung objektif, tujuan, niat, matlamat dan prinsip di sebalik undang-undang Islam (Jasser Auda, 2014). Pandangan ini bertepatan dengan pandangan Yusof al-Qaradhawi (2008) yang mentarifkan maqasid sebagai satu bentuk kebijaksanaan yang diberikan di sebalik hukum-hukum dan peraturan yang ditetapkan untuk seseorang sama ada secara terpaksa atau sukarela.

Pelaksanaan maqasid syariah dalam pengurusan media massa seperti media sosial adalah penting untuk melindungi agama, akal, ketenteraman jiwa, keturunan dan harta orang ramai. Adalah penting untuk mematuhi kawalan berdasarkan syariah Islamiyyah dalam penggunaan media sosial. Menurut Aiman Jibrin Juwaylis (2014) hubungan sosial yang berlaku sama ada secara maya atau fizikal tidak akan lurus sama sekali tanpa pertimbangan neraca fiqh, syariah dan maqasidnya. Syariah Islamiyyah akan membendung manusia daripada terjerumus ke lembah kebejatan pemikiran, budaya mahupun akhlak. Maqasid syariah dilihat dapat menjadi panduan dalam urusan muamalah sesama manusia (Asmadi Mohamad Naim, 2016) dan maqasid syariah adalah asas kepada segala perlakuan *mukallaf* dan menjadi enjin yang menggerakkan aktiviti manusia demi merealisasikan kepentingan umum dengan memberikan kemanfaatan dan menghindarkan kerosakan (Mohd Anuar Ramli, 2016).

Islam melihat penggunaan apa sahaja media dalam urusan kehidupan manusia perlu diintegrasikan bersama prinsip agama Islam yang murni secara bijaksana. Maqasid al-syariah dengan lima struktur holistiknya yang merangkumi pemelihara agama (*hifz al-din*), jiwa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), harta (*hifz al-mal*) dan keturunan (*hifz al-nasl*) dilihat amat berpotensi untuk digunakan sebagai panduan ketika berurusan dengan teknologi laman sosial demi mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat (Nu'man Jughaim, 2016). Bagi mengelakkan impak negatif media sosial terus berleluasa, garis panduan penggunaannya berdasarkan maqasid Syariah berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah diperlukan segera. Islam amat menitikberatkan pembangunan manusia dan memelihara kemaslahatannya melalui cara dan mesej yang betul.

Tidak dinafikan media sosial mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap Islam jika digunakan dengan betul, ia membantu menyebarkan seruan Allah (SWT), memperbaiki banyak jenis manusia dan membantu mengurangkan nafsu dalam masyarakat (Muhammad Fuad Othman dan Nazariah Osman, 2017). Syariat Islam merangkumi setiap fenomena baharu atau lama dan sentiasa relevan pada setiap masa dan zaman. Setiap isu dan permasalahan sudah pasti terdapat panduan dan penyelesaiannya dari sisi agama. Hal ini kerana agama Islam datangnya daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

أَلَا يَعْلَمُ مِنْ حَلْقَ وَفُوْلَ الطَّيْفِ أَلْخِيْرِ

“Apakah Allah Yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu lahirkan atau
rahsian), dan Dia Maha Halus lagi Maha Mengetahui?” (al-Mulk, 14)

Ayat ini jelas menerangkan kekuasaan Allah yang menjadikan bumi dan penciptaan pelbagai teknologi serta aktiviti bermanfaat untuk diterokai dengan penuh berhati-hati. Oleh kerana itu aktiviti komunikasi yang berlaku di media sosial perlu dilakukan secara berhemah, kerana sekecil apapun huruf yang ditulis, dikongsi atau diulas semuanya berada dalam pengetahuan Allah SWT. Andai penggunaannya didasari iman dan taqwa Allah akan mendorongnya ke arah kebaikan, dan sekiranya digunakan tanpa pengawalan iman maka kerosakan dan kemusnahan bakal berlaku.

Tegasnya penggunaan media sosial amat memerlukan pelaksanaan prinsip-prinsip maqasid syariah yang mampu berperanan sebagai paksi kepada akta dan perundungan media sosial sedia ada bagi mewujudkan pengawalan rohani kepada penggunaan media sosial. Pelaksanaan ini akan berfungsi sebagai satu strategi kawalan agar pengguna lebih beretika dan mematuhi syara' setiap kali menggunakan media sosial. Ini kerana pelaksanaan maqasid syariah dalam pengurusan media massa amat penting untuk melindungi agama, akal, jiwa, keturunan dan harta orang ramai (Nur Farahiyah Mat Daud, Ahmad Irdha Mokhtar, Zulkefli Aini, 2014). Kerajaan juga menggesa agar dilakukan satu inisiatif untuk mengintegrasikan aspek

agama yang mencerminkan kesejahteraan dalam pembangunan rohani yang diiktiraf sebagai satu komponen penting dalam pembinaan indeks Syariah, yang disifatkan sebagai kurang.

Pengawalan secara syara' diperlukan semasa berinteraksi dengan media sosial bagi menolak keburukan yang bakal timbul demi kebaikan manusia di dunia dan juga di akhirat (Suhail Muhammad Amin, 2006). Semua individu yang mempunyai hak untuk mengguna, menulis, mengulas dan mengurus media sosial mereka perlulah mematuhi piawaian syara' demi menjana kemaslahatan ummah. Setiap mesej yang disampaikan melalui media sosial perlu berperanan dalam mencorakkan pemikiran dan kerohanian masyarakat. Sebarang maklumat yang disampaikan perlu mempunyai nilai *al-bir* (kebaikan) dan *al-Taqwa* (ketaqwaan) dan berpaksikan prinsip *al-amru bi al-ma'ruf wa annahy 'an al-munkar* yang menjadi jaminan kepada pemeliharaan *al-maqasid al-syar'iyyah*. (Nazirah Abu Bakar, Muhamad Faisal, 2018).

Keperluan kepada maqasid syariah lebih jelas kelihatan melalui kajian terhadap pendemokrasian media dan cabaran keselamatan dalam era digital di Malaysia oleh Ahmad Saffiyan Hasan (2019). Menurut beliau walaupun sekatan yang dilakukan oleh SKMM terhadap laman web yang dilapor adalah terhad, kerana web yang disekat masih boleh diakses dengan pelbagai cara kerana terdapat *network* yang boleh dimuat turun secara percuma di samping versi berbayar. Menurut beliau polisi komunikasi penting, tapi lebih penting adalah memahami bahawa rakyat kini tidak lagi segan atau betul-betul takut kepada undang-undang (Ahmad Sauffiyan Hasan, 2019). Apabila beliau menyimpulkan bahawa usaha mengawal media baharu yang demokratik adalah hampir mustahil maka keperluan terhadap pelaksanaan maqasid syariah dalam penggunaan media sosial tidak dapat disangkal dan tidak boleh dilengahkan lagi. Strategi ini dapat memberi pendidikan kepada netizen agar sentiasa mementingkan penulisan yang benar, berita yang sahih dan tepat serta tidak berkongsi perkara yang boleh mencetuskan kekeliruan, kekacauan maupun propaganda.

STRATEGI MAQASID SYARIAH SEBAGAI KAWALAN ROHANI TERHADAP PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Bagi mengaplikasikan maqasid syariah sebagai satu sistem kawalan rohani ketika menggunakan media sosial, strategi pelaksanaannya perlu disusun secara sistematik. Beberapa cadangan dan kajian sarjana Islam boleh dijadikan panduan. Sebagai contoh Muhammad 'Ali al-Salabiy (2014) mencadangkan agar media sosial digunakan berlandaskan beberapa panduan *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* seperti dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* Yang Dicadangkan Dalam Penggunaan Media Sosial

Bil	Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah	Terjemahan
i	الأمرُ يَعْلَمُ بِعَاصِدِهِ	Setiap perkara itu terikat dengan niatnya.
ii	مَا حَرَّمَ أَخْذُهُ حَرَّمَ إِعْطاؤُهُ	Sesuatu yang haram diambil, maka haram pula diberikan.
iii	النَّصْرُ عَلَى الرَّعْيَةِ مَوْطَبٌ بِالْمَصْلَحةِ	Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada maslahah terhadap rakyat.
iv	الصَّرَرُ يُزَالُ	Bahaya mesti di hapuskan.
v	تَحْمِلُ الصَّرَرُ الْخَاصُّ لِدَفْعِ الصَّرَرِ الْعَامِ	Ditanggung kemudaratannya berbentuk khas untuk menolak kemudaratannya berbentuk am.
vi	الصَّرَرُ الْأَشَدُ يُزَالُ بِالْأَحْقَفِ	Kemudaratannya lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaratannya lebih ringan.
vii	لَا صَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ فِي الْإِسْلَامِ	Tiada kemudharatan dan tidak memudharatkannya dalam Islam.
viii	ذَرْهُ الْمَفَاسِدِ أَوْئَ مِنْ جُلُبِ الْمَنَافِعِ	Menolak kerosakan lebih utama daripada mengambil kemaslahatan.
ix	الصَّرَرُوازُاتُ تُبَيِّنُ الْمَحْظُورَاتِ	Darurat mengharuskan perkara yang dilarang.

Sumber: Muhammad 'Ali al-Salibiy (2014)

Beliau berpandangan kaedah-kaedah ini dapat membimbing penggunaan media sosial mengikut ketetapan agama Islam. Dengan ini pengguna akan berhati-hati dalam menentukan status keperluannya bagi memperoleh kebaikan dan menjauhi keburukannya.

Seterusnya Dr Hashim Ahmad Nughaimish (2016) membincangkan keharusan dan panduan menggunakan internet dan media baharu dalam kajiannya. Beberapa panduan syariah perlu dipatuhi netizen. Antaranya ialah:

- i Niat yang suci ketika menggunakan media sosial dan penggunaannya memberikan manfaat serta tidak bertentangan dengan syara'.
- ii Komitmen adab dan akhlak dengan tidak memasuki laman lucah dan fasiq dan tidak memasuki laman yang melalaikan diri daripada beribadah kepada Allah.
- iii Penggunaan yang tidak menyebabkan pengguna meninggalkan solat lima waktu.
- iv Mengaplikasikan kaedah لا صَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ yang membawa maksud tidak boleh sama sekali menimbulkan kemudharatan kepada diri atau kepada orang lain.
- v Melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar* dan memastikan kesahihah maklumat dan tidak memaki hamun atau menghina orang lain.

Kajian oleh Dr Aiman Jibrin Juwaylis (2014) bertajuk *al-Dhawabit al-Syari'yyah li istikhdam Wasail al-Tawasul al-Hadithah* pula menegaskan hubungan sosial masyarakat sama ada di alam maya atau alam realiti mesti berasaskan rujukan

fiqh bagi menyeimbangkan permasalahan berurus dengan teknologi semasa. Usul Syariah dan maqasidnya mampu memberikan kebaikan dan maslahah serta menangkis kerosakan, membezakan yang halal daripada yang haram, seterusnya melindungi individu dan masyarakat daripada kesesatan dan penyelewengan. Umat Islam juga tidak boleh membenci teknologi maklumat dan apa sahaja platformnya terutama media sosial. Beliau menyenaraikan beberapa panduan syariah ketika menggunakan media sosial, iaitu:

- i Memelihara identiti, kepercayaan dan keteguhan bangsa dengan menjauhi laman web yang sarkastik terhadap agama Islam atau syariahnya.
- ii Saling mengamalkan kehidupan beradab, pemahaman agama dan berdakwah secara yang lebih baik.
- iii Memberi sumbangan aktif terhadap peradaban agama, pengetahuan dan teknologi manusia secara global.
- iv Berupaya memelaksanakan *amar ma'ruf dan nahi munkar* mengikut kemampuan.
- v Melaksanakan konsep penapisan maklumat pada setiap peringkat sama ada terhadap diri, keluarga, masyarakat dan pemerintah.

RUMUSAN

Umat Islam mestilah mempunyai deria rohani yang tinggi dalam memastikan penggunaan media sosial dengan sentiasa bersandarkan redha Allah. Mengguna dan menyaring perkara yang halal dan baik berbanding aspek yang haram serta buruk daripada media sosial sudah menjadi wajib. Semua manfaat yang terdapat dalam media sosial hendaklah digunakan sebaik-baiknya demi kepentingan Islam. Sebaliknya segala maksiat yang terselit dalam penggunaan media sosial hendaklah dielakkan oleh umat Islam. (Mohammed Isah Shehu, Muhammad Fuad dan Nazariah Osman, 2017). Maqasid syariah jelas boleh membentuk satu panduan atau mekanisme kawalan syar'ie yang mapan. Kebijaksanaan syariah Allah SWT ini menetapkan setiap golongan mukallaf sama ada pergerakannya, tutur katanya atau kepercayaannya hendaklah tertakluk kepada satu undang-undang tertentu di bawah naungan taklif syara'. Media sosial yang digunakan di bawah payungan hukum syara' akan membebaskan manusia daripada menjadi seperti binatang ternak yang terbiar mengikut keinginan hawa nafsunya (Ahmad al- Raisūni, 2016).

RUJUKAN:

Aiman Jibrin Juwaylis (2014). *Al-Dhawabit Al-Syari'yyah Li Istikhdam Wasail Al-Tawasul Al-Hadithah*. Kertas kajian dibentangkan dalam Muktamar Wasail Al-Tawasul Al-Hadithah Wa Atharuha 'Ala Al-Mujtama'

- bertarikh 24 April 2014. *Jami'ah Al-Najah Al-Wataniah*, Nablus, Palestin.
- Ahmad Sauffiyan Hasan (2019). *Pendemokrasian Media Dan Cabaran Keselamatan Dalam Era Digital*. Malaysia Journal of Communication, Jilid 35(1) 2019: muka surat 237-251.
- Aḥmad al-Raisūni (2016). *Kebebasan dan Pembebasan* terjemahan Mohd Khairul Anwar Ismail. Terbitan Institut Darul Ehsan, Selangor.
- Asmadi Mohd Naim (2016). *Memahami Kerangka Maqasid Al-Syariah Dalam Kewangan Dan Pelaburan*. Seminar "Pasaran Modal Islam Malaysia 2016" Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Dengan Kerjasama Bursa Malaysia
- Alina Dizik (2017). *Media sosial: Ketergantungan yang 'lebih parah daripada alkohol atau narkoba'* <https://www.bbc.com/indonesia/vert-cap-39791239> BBC Capital, dicapai pada 9 Mei 2017.
- Bahiyah Abdul Hamid (2018). *The Power to Destruct: Online Fat Shaming Bullying in Sosial Media*. Muka surat 35-50 dalam Stop Cyberbullying, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hashim Ahmad Nughaimish Al-Hamami Al-Zubi'I (2016). *Al-Dhawabit Al-Islamiyyah Fi Istikhdam Al-Internet Fi Dhaw'i Al-Quran Al-Karim wa Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Majallah Al-Ulum Al-Islamiyyah wa Al-Hadharah, bil 4, Disember 2016; muka surat 43-65.
- Jasser Auda (2014). *Maqasid Syariah-Peranan Maqasid Dalm Pembaharuan Islam Kontemporari* -Terjemahan oleh Marwan Bukhari b. A.Hamid, PTS Islamika Sdn Bhd Batu Caves, Selangor, Malaysia
- Jonathan Mark Ervine (2020). *Five years on from the Charlie Hebdo attack, 'Je suis Charlie' rings hollow* -The Conversation, Academic Rigour, Journalistic Flair J.Clement (2020). *Number of digital sosial network users 2017-2025* di <https://www.statista.com/statistic/278414/number-of-worldwidew-sosial-network-users/> dicapai pada 29 September 2020.
- Kamarul Azmi Jasmi (2017). *Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya dalam Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan* 36-60.
- Mohd Anuar Ramli, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, Mohammad Fuad Mohd Rozib & Mohd Farhan Md Ariffin (2016). *Pemakaian Maqasid al-Shari'ah Seismografi Dalam Penilaian Isu Semasa. Maqasid al-Syariah Konsep dan Pendekatan*, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nu'man Jughaim (2016). *Maqasid Al-Syariah Mafhumuha wa Fawaidu Ma'rifatiha*. Jurnal al-Tajdid Jilid 20, bil 39(A) muka surat 33-65. Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

- Nur Farahiyah binti Mat Daud, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkifli Aini (2016). *Kepentingan Maqasid al-Shari'ah dalam Pengurusab Media Massa bagi Menangani Masalah Sosial Masyarakat di Malaysia.* Prosiding Seminar Pengurusan Islam Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor.
- Rasmida binti Amir Hassan, Normirrah Afina binti Kamaruddin, Zul Amirul Asraf bin Karton, Nasim Khan bin Esmail (2019). *Hubungan antara jenayah penipuan internet dengan pengurusan produktiviti pekerjaan.* Universiti Malaysia Sabah.
- Rosli Tasnim, Muniandy Yogenathan & Kamarul Azmi Jasmi (2019). *Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam.* Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 115-130.
- Muhammad 'Ali Al-Salibiy (2014). *Wasail al-tawasul al-ijtimaie fi mizan al-maqasid al-syar'iyyah* dalam buku *Al-muktamar al-i'lmi al-dawli al-sanawi al-rabi'* bertajuk *Wasail –al-tawasul al-ijtima'ie wa atharuha 'ala al-mujtama'*, Fakulti Syariah, Universiti al-Najah al-Wataniah, Palestin.
- Mohammed Isah Shehu, Muhammad Fuad Bin Othman dan Nazariah Binti Osman (2017). *The Sosial Media and Islam.* Journal of Management Sciences (Vol.15, No.4, 2017). University of Maiduguri, muka surat 67-80.
- Nor Azlina Mohd Noor, Ahmad Shamsul Abd Aziz, Rusniah Ahmad (2020). *Penyalahgunaan Media Sosial: Kerangka Institusi dan Undang-Undang di Malaysia.* International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC), Vol 5 Issue 18 (March 2020): muka surat 57-67.
- Suhail Muhammad Amin (2006). *Qaedah Dar'u Al-Mafasid Awla min Jalbi Al-Masalih-Dirasah Tahliliyah.* Kajian Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Al-Ulum Al-Islamiyyah, Jami'ah Al-Ifriqiyyah Al-'Aqid Ahmad Dirayah, Adrar, Algeria.
- Taha Abul Raof Sa'ad (1991). *Qawa'id Al-Ahkam fi Masalih Al-Anam.* Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah, Kaherah, Mesir.
- Tasnim, Samia, Md Mahbub Hossain dan Hoimonty Mazumder (2020). *Impact of Rumors or Misinformation on Coronavirus Disease (COVID-19) in Social Media,* SocArXiv.Mac 29. Doi:10.31235/0sf.io/uf3zn.
- Yusof al-Qaradhāwi (2008). *Dirasah Fī Fiqhi Maqaṣid Al-Syārīh Baina Al-Maqaṣid Al-Kulliyah Wa Al-Nuṣūṣ Al-Juziyyah,* cetakan ke 8. Dar Al-Syuruq, Kaherah, Mesir.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.